



فكاواي كأواغن نكري ترغكانو
PEGAWAI KEWANGAN
NEGERI TERENGGANU

PERB.TR.U/16/01/01/7-(55)
28 Mei 2024
19 Zulkaedah 1445

Seperti Senarai Edaran Berkembar

YBM Tengku/YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

PINDAAN DAN PENAMBAHBAIKAN PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 1 TAHUN 2024 (ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2024)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat pentadbiran ini PERB.TR.U/16/01/01/7-(39) bertarikh 04 Januari 2024 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bagi mencapai matlamat untuk mengurus perbelanjaan secara berhemat dan penggunaan sumber secara optimum, Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk melaksanakan langkah-langkah penjimatan perbelanjaan mengurus dengan melaksanakan **pindaan dan penambahbaikan perancangan perbelanjaan** pada **para 5.6** Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1 Tahun 2024 (Anggaran Perbelanjaan Tahun 2024) sebagaimana berikut untuk makluman YBM Tengku/YBhg. Dato'/Tuan/Puan.

BIL.	PERKARA	PERIHAL
1.	Pindaan	Pegawai Pengawal hanya dibenarkan membelanjakan peruntukan sebanyak 1/3 daripada peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2024 dalam tempoh enam (6) bulan pertama kecuali perbelanjaan emolumen, utiliti (OSOL 23000), sewaan (OSOL 24000), kontrak-kontrak perkhidmatan (OSOL 29000 & 28000), perolehan kenderaan/harta modal (OSOL 34000 & 35000), projek-projek pembangunan dan bayaran baucer batal tahun 2023.
2.	Penambahbaikan	Bagi perbelanjaan enam (6) bulan kedua iaitu Julai hingga Disember, Pegawai Pengawal dibenarkan membelanjakan peruntukan sebanyak 1/3 sahaja daripada peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2024 kecuali perbelanjaan emolumen, utiliti (OSOL 23000), sewaan (OSOL 24000), kontrak-kontrak perkhidmatan (OSOL 29000 & 28000), perolehan kenderaan/harta modal (OSOL 34000 & 35000), projek-projek pembangunan dan bayaran baucer batal tahun 2023. Manakala baki peruntukan sebanyak 1/3 lagi akan dimaklumkan semula oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu.

"Berbelanja Berhemat, Membawa Keberkatan"

Sekian, terima kasih.

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' NARA SETIA)

s.k. Yang Berhormat Mulia
Setiausaha Kerajaan
Terengganu

Bendahari Negeri
Terengganu

Pengarah Audit Negeri
Terengganu

PERB.TR.U/16/01/01/7-(55)

☎ 09-6276283

✉ suraiyai@terengganu.gov.my

DEKSTOPBAJET PPNT/SURAIYABELANJAWAN/SURAT/PEKELILING/SRTPINDAAN&PENAMBAHBAIKANPPNBIL.12024PARA5.61/3BELANJA